

Hartanah lelong antara pelaburan berpotensi



Oleh Nurhayati Abllah - September 27, 2016 @ 7:48pm
nurhayatiabllah@bh.com.my



Pengarang Urusan Kumpulan NSTP, Datuk Abdul Jalil Hamid (lima dari kiri) dan Pengarah Urusan, Kumpulan Andaman, Datuk Seri Dr Vincent Tiew (lima dari kanan) ketika sidang media 'MYRUMAH III Property Showcase', di Anjung Riong, Balai Berita, Bangsar. Turut kelihatan, Pengarah Urusan Kreatif, EAARGROUP, Mohd Amin Mohd Yussof (kiri), Pengurus Pembangunan Bisnes, Rescom Realty, Abdul Aziz Ahmad (dua dari kiri) Strategi Utama, SuperiorWealth Mastery, Alan Poon (kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Max Capital Management Holding LTD, Max Shangkar. - Foto Mohamad Shahril Badri Saali

KUALA LUMPUR: Bakal pembeli terutama bagi mereka yang ingin membeli kediaman pertama boleh mempertimbangkan harta tanah lelong sebagai alternatif kepada pasaran utama atau pasaran sekunder.

Pengasas Superior Wealth Mastery, Alan Poon, berkata pembelian harta tanah lelong masih menawarkan potensi pelaburan yang baik jika mengikuti kaedah serta pengurusan yang betul.

"Lelongan harta tanah diadakan hampir setiap hari di negara ini dan pembeli mempunyai peluang untuk mendapatkan harta tanah berkualiti dengan pelbagai pilihan lokasi yang strategik.

"Malah, pembelian harta tanah lelong juga boleh memberi pendedahan kepada bakal pembeli untuk menguruskan kewangan dan pembiayaan mereka secara cekap," katanya ketika ditemui pada sidang media Pameran Hartanah MyRumah Siri Ketiga di Balai Berita, di sini, baru-baru ini.

Pameran anjuran Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP) dengan kerjasama Kumpulan Andaman, meneruskan siri pamerannya yang memasuki penganjuran kali ketiga, tahun ini. Ia berlangsung tiga hari bermula 7 hingga 9 Oktober ini di Public Space, Balai Berita NSTP, Bangsar.

Poon berkata, harta tanah lelong turut memberi gambaran jelas kepada nilai pasaran sesuatu harta tanah dan ia membantu pembeli untuk membuat pilihan lebih tepat sebelum membuat pelaburan.

Selain itu, katanya, masyarakat juga perlu mengubah tanggapan negatif terhadap harta tanah lelong, sebaliknya bersikap lebih terbuka kerana ia juga adalah transaksi lebih fokus serta telus.

"Usaha mendidik orang ramai perlu dilakukan secara berterusan untuk mengubah persepsi negatif mereka mengenai harta tanah lelong, sebaliknya menjadikan ia sebagai satu daripada peluang pelaburan.

"Topik mengenai pasaran dan potensi harta tanah lelong akan dikupas dalam Pameran Hartanah MyRumah pada Oktober nanti. Orang ramai seharusnya mengambil peluang itu untuk mendapatkan gambaran dan berkongsi maklumat mengenai peluang pelaburan itu," katanya.

Kewujudan harta tanah lelong berikutan kegagalan pembeli sebelum ini membuat bayaran bagi harta tanah yang dibelinya.

Antara faktor menyumbang kepada harta tanah lelong ialah lebihan bekalan dalam kawasan tertentu, selain faktor ekonomi seperti cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan masalah kewangan pembeli yang boleh menjadi bebanan hidup.

Info:

- Kemasukan ke Pameran MyRumah adalah percuma bermula jam 10 pagi hingga 6 petang.
- Sasaran 10,000 pengunjung.